

# MPP UMS, Seranta jalankan tanggungjawab sosial

UB 29.7.2014 A2

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan majlis berbuka puasa bersama kanak-kanak di Rumah Anak Yatim 1Suria, Tuaran.

Majlis itu yang mendapat kerjasama penuh daripada pihak Seranta (Felda) negeri Sabah dan PSK Group diadakan untuk meraikan seramai 33 penghuni rumah berkenaan.

Menurut Ketua Seranta

Sabah Asmarah Rikun, penganjuran majlis itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat Seranta yang tidak hanya menjurus kepada komuniti Felda semata-mata.

“Golongan yang kurang bernasib baik ini memerlukan perhatian kita semua. Justeru, pihak Seranta juga terpanggil untuk bersama-sama mereka dalam mengimarahkan bulan puasa yang mulia ini,” katanya.



**FANDYI Sanizan (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim Rumah Anak Yatim 1Suria sambil diperhatikan Asmarah Rikun (kanan).**